

BANDARAYA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Edaran POON CHOI ERAT HUBUNGAN MBSJ dan KOMUNITI



ISI KANDUNGAN



- 03** EDARAN POON CHOI ERAT HUBUNGAN MBSJ DAN KOMUNITI
- 04** E-BIL MBSJ AKSES MUDAH MASYARAKAT
- 05** MENDAPATKAN CUKAI TAKSIRAN
- 06** MBSJ ANJUR PETANDINGAN PUPUK SEMANGAT KITAR SEMULA PENDUDUK
- 07** WARNA-WARNI KOMUNITI
- 08** MBSJ BANTU PELAJAR SUMBANG KOMPUTER RIBA
- 09** MBSJ ANJUR WEBINAR JENAYAH : TAK KENAL MAKA TERKENA
- 10** MBSJ HARGAI JASA PETUGAS BARISAN HADAPAN
- 11** PERKENAL BUDAYA SECARA ATAS TALIAN, MBSJ ERATKAN HUNGAN DENGAN KOMUNITI JEPUN
- 12** 11 DITAHAN DALAM OPERASI BERSEPADU KEDAI JUDI HARAM

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Y.Brs. TPr. Puan Noraini Binti Roslan SLS, PPT
Datuk Bandar

EDITOR:

Encik Mohamad Junus Bin Baharom
Penolong Pengarah (Kanan) Korporat

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus Bin Khazali
Encik Mohd Fazli Bin Osman

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain Bin Che Ali AM, N.A.M.S
Timbalan Datuk Bandar

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina Binti Samsudin
Puan Saharani Binti Ismail

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani Binti Ahmad
Encik Fazli Bin Naiman

KETUA EDITOR:

Encik Azfarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah (Korporat)

PEREKA GRAFIK

Siti Marlina Binti Chek Long
Khairul Bin Rosli
Muhammad Shahrhan Hanief Bin Shaharolzaman



EDARAN POON CHOI ERAT HUBUNGAN MBSJ DAN KOMUNITI



Kehadiran pandemik Covid-19 telah banyak merubah corak kehidupan komuniti pada masa kini. Namun, kehadirannya tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menjarakkan lagi jurang hubungan di antara MBSJ dan juga komuniti setempat.

Bagi memastikan hubungan ini terus kukuh demi kelangsungan hidup yang harmoni, MBSJ tetap meneruskan tradisi Sambutan Tahun Baru Cina pada tahun ini namun mengambil pendekatan yang berbeza.

"Pada tahun ini, MBSJ telah mengambil inisiatif mengadakan sambutan Tahun Baru Cina dengan mengedarkan Poon Choi kepada penerima yang layak di dalam Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2021 peringkat MBSJ yang diadakan pada 26 Januari 2021 yang lalu bertempat di Arena MBSJ. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. TPr Noraini Binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ bersama YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang. Turut serta Tn. Hj Mohd. Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama beberapa Ahli Majlis MBSJ," ujar Encik Azfarizal Bin Abd Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ.

Ulas beliau lagi, seramai 100 orang penerima dari golongan B40 yang telah dikenalpasti oleh Ahli Majlis MBSJ merangkap Pengerusi Majlis

Perwakilan Penduduk (MPP) zon masing-masing telah menerima Poon Choi bernilai RM 200 beserta "angpow" berjumlah RM 68.00. "Bagi memastikan proses edaran ini mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) penjarakkan yang telah ditetapkan, edaran telah dijalankan melalui penghantaran terus ke rumah menggunakan perkhidmatan e-hailing" katanya.

Adalah diharapkan, program ini sedikit sebanyak dapat mengeratkan lagi hubungan di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan masyarakat walaupun terdapat kekangan semasa pandemik Covid-19 ini.



Penerima menerima "Poon Choi" dan "angpow" yang diserahkan oleh rider e-hailing.

e-Bil MBSJ, AKSES MUDAH MASYARAKAT MENDAPATKAN CUKAI TAKSIRAN



Dalam usaha untuk membendung wabak Covid-19, pihak MBSJ memperkenalkan satu kaedah baru pembayaran cukai pintu kepada orang awam iaitu e-Bil Cukai Taksiran MBSJ.

Pembangunan portal ini selari dengan seruan kerajaan ke arah My Digital Negara dan membantu mengurangkan risiko jangkitan Covid-19, ujar Puan Sharifah Rohaida Binti Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Hasil, MBSJ.

Menurut beliau, menerusi portal MBSJ www.mbsj.gov.my, masyarakat boleh terus membayar cukai pintu secara atas talian (online) hanya dihujung jari tanpa keluar rumah dan menjimatkan kos.

Beliau juga menambah, promosi mengenai E-Bil ini telah dimulakan sejak tahun 2020 lagi bagi memastikan masyarakat bersedia dengan perkara tersebut. "Pihak MBSJ telah membuat hebahan kepada pelanggan mengenai perkara ini sejak tahun 2020 melalui pelbagai medium hebahan seperti pemakluman di Bil Cukai Taksiran bagi Penggal Kedua Tahun 2020, paparan di billboard milik MBSJ, pengedaran flyers dan pamphlet melalui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ serta edaran di stesen-stesen minyak di sekitar pentadbiran MBSJ. Bagi memastikan kelancaran transisi perubahan ini, MBSJ juga turut mengambil inisiatif menghantar sendiri bil cukai kepada pelanggan ke alamat harta pemilik bagi fasa permulaan ini," jelas beliau.

Ditanya mengapa pembaharuan ini dilaksanakan, beliau menjelaskan inovasi E-Bil Cukai Taksiran ini dilakukan bagi memberi kemudahan kepada masyarakat untuk mendapatkan bil cukai taksiran secara terus melalui dalam talian.

"Selain itu juga, pelanggan boleh menyemak akaun cukai taksiran serta membuat pembayaran secara terus di portal rasmi MBSJ. Ianya sekaligus boleh mengurangkan aduan penduduk tidak menerima bil cukai taksiran atau didenda kerana kelewatan menerima bil cukai taksiran tersebut," katanya. Mengulas lanjut, beliau memaklumkan orang ramai boleh mendapatkan E-Bil Cukai Taksiran dengan melayari portal rasmi MBSJ iaitu www.mbsj.gov.my namun terlebih dahulu pelanggan perlu mendaftar sebagai ahli My@MBSJ.

"Selain boleh mencetak serta membuat pembayaran bil cukai taksiran, pelanggan yang menjadi ahli My@MBSJ juga akan mendapat pelbagai insentif lain seperti menerima informasi terkini mengenai MBSJ, menjalankan pelbagai urusan MBSJ (membuat semakan, membuat bayaran cukai /lesen/kompaun) serta boleh mengakses dan menyimpan sejarah transaksi bayaran," ulasnya.

Apabila diajukan persoalan mengenai saluran pembayaran cukai taksiran MBSJ, beliau memaklumkan MBSJ telah menyediakan pelbagai saluran bagi tujuan tersebut.

"Pembayaran cukai taksiran boleh dilakukan secara terus di portal rasmi MBSJ. Selain itu juga, pelanggan boleh membuat pembayaran fizikal di kaunter Ibu Pejabat dan Cawangan MBSJ, Mesin Kiosk MBSJ (menggunakan Tunai/Debit Kad/Kad Kredit), pembayaran melalui Kiosk Paylink atau di kaunter Pejabat Pos Malaysia serta di Pusat Membeli Belah Empire Subang Jaya, IOI Mall Puchong, Jaya Jusco Taman Equine serta Sunway Pyramid. Mereka juga boleh membuat pembayaran secara dalam talian melalui Jom Pay (Kod Bil : 6585) atau portal bank terpilih seperti Maybank2u, CIMB Clicks, Bank Islam dan Public Bank."

MBSJ mengharapkan agar pelanggan dapat memanfaatkan kemudahan e-bil cukai taksiran ini bagi memudahkan pelanggan melunaskan pembayaran cukai taksiran MBSJ pada tahun ini dan tahun-tahun berikutnya.

"Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai E-Bil Cukai dengan melayari portal MBSJ www.mbsj.gov.my sekiranya pelanggan menghadapi sebarang permasalahan, mereka boleh menghantar pertanyaan mereka melalui email ke Jabatan Hasil MBSJ: hasil@mbsj.gov.my atau Jabatan Teknologi Maklumat: portal.helpdesk@mbsj.gov.my untuk keterangan lanjut," katanya.

"Terkini, MBSJ telah memperluaskan saluran pembayaran dengan memperkenalkan aplikasi E-Wallet : Touch & Go, Boost, Grab Pay dan ZAPP serta turut meluaskan saluran dengan membenarkan pembayaran menggunakan EPay di stesen minyak Petronas, Shell dan Petron serta di Kedai Mynews," tambah beliau.

Menyedari akan potensi sesetengah pihak yang mempunyai kekangan untuk mendapatkan e-bil cukai taksiran, Puan Sharifah menjelaskan pelanggan boleh mendapatkan salinan bil cukai taksiran MBSJ dengan hadir sendiri ke Pejabat MBSJ.

Mereka dibenarkan untuk mendapatkan salinan tersebut dengan syarat hanya pemilik atau wakil yang diberi kebenaran sahaja boleh mendapatkan salinan di pejabat MBSJ. Selain daripada pemilik atau wakil yang dibenarkan, bayaran sebanyak RM 20 akan dikenakan ke atas setiap salinan bil cukai taksiran yang dipohon.



“

E-Bil Cukai Taksiran MBSJ merupakan satu bil secara maya yang boleh dicetak secara dalam talian melalui portal Majlis Bandaraya Subang Jaya. Berkuatkuasa penggal pertama (Jan-Jun) 2021, pihak Majlis tidak lagi mencetak dan mengedarkan bil cukai kepada 261,154 pemilik bil. Ini selaras dengan dasar MBSJ ke arah mewujudkan Bandar Hijau di mana pihak MBSJ telah memperkenalkan inovasi E-Bil Cukai Taksiran kepada pelanggan MBSJ.

”

Puan Hj. Sharifah Rohaidah Binti Abdul Rahman
Pengarah Jabatan Hasil MBSJ



MBSJ ANJUR PERTANDINGAN PUPUK SEMANGAT KITAR SEMULA PENDUDUK



3R-REDUCE, REUSE, RECYCLE.

Itu kalimah yang seringkali didengari dalam usaha memelihara alam sekitar bagi memantapkan lagi kesedaran komuniti mengenai kitar semula, Majlis Bandaraya Subang Jaya menganjurkan Pertandingan Kutipan Barangan Kitar Semula Pangsapuri dan Kampung Angkat MBSJ 2021.

Pertandingan ini dibuka kepada semua Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di pentadbiran MBSJ dan setiap MPP hanya boleh mencalonkan satu pangsapuri kampung angkat untuk menyertai pertandingan ini dan penyertaan pertandingan adalah melalui pengisian borang penyertaan yang boleh didapati di portal MBSJ www.mbsj.gov.my.

Pelbagai jenis barangan boleh dikitar semula bagi menyertai pertandingan tersebut seperti akhbar, majalah, kertas putih, kertas campur, kotak, aluminium, besi dan juga produk plastik.

Pihak pengurusan pangsapuri boleh menghubungi pihak MBSJ untuk permohonan kutipan barangan serta pengiraan untuk dimasukkan dalam laporan pertandingan atau berurusan dengan pihak swasta seperti yang ditetapkan dalam syarat pertandingan. Bagi data kutipan pihak swasta, ianya perlu disertakan resit asal sebagai bukti dan mempunyai cop dan alamat syarikat yang membuat kutipan.

Selain itu juga, MBSJ juga menggalakkan kutipan barangan e-waste, namun ianya hanya

direkodkan dalam unit namun tidak dimasukkan dalam kiraan berat barangan kitar semula. Pertandingan ini akan berlangsung selama 9 bulan bermula Februari sehingga Oktober 2021 dan ianya menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM 6,000.00 untuk dimenangi.

Maklumat lanjut, layari www.mbsj.gov.my atau hubungi Jabatan Pengurusan Alam Sekitar di talian 03-80264366 untuk keterangan lanjut.

**Pertandingan
KUTIPAN BARANGAN
KITAR SEMULA
PANGSAPURI DAN
KAMPUNG ANGKAT
MBSJ 2021**

FEBRUARI HINGGA OKTOBER 2021

SYARAT PENYERTAAN

- Terbuka kepada semua MPP yang mempunyai pangsapuri dan kampung angkat.
- Setiap MPP boleh menghantar satu (1) penyertaan pangsapuri atau kampung angkat sahaja.
- Pertandingan ini berlangsung selama 9 bulan bermula Februari hingga Oktober 2021.
- Penyertaan pertandingan adalah dengan mengisi borang penyertaan.
- Pengurusan pangsapuri boleh membuat permohonan kaunter kios kitar semula oleh pihak MBSJ (sepanjang PKP hanya melaksanakan kutipan sahaja, tidak kaunter dibuka) atau berurusan dengan pihak swasta seperti dalam senarai edaran.
- Data kutipan pihak swasta yang dihantar perlu disertakan resit asal sebagai bukti dan mempunyai cop dan alamat syarikat yang membuat kutipan.
- Barangan kitar semula e-waste direkodkan dalam unit dan tidak termasuk dalam kiraan berat barangan kitar semula.
- 3 pangsapuri akan dipilih sebagai pemenang (Nilai tertinggi bagi berat - kg/bil. rumah).
- Keputusan adalah muktamad.

**HADIAH MENARIK
BERUPA WANG TUNAI
BERNILAI**

**PERTAMA
RM3,000**

**KEDUA
RM2,000**

**KETIGA
RM1,000**

AKHBAR/MAJALAH KERTAS PUTIH KERTAS CAMPUR KOTAK ALUMINIUM BESI PLASTIK

SILA HUBUNGI:
03 80263180 (PN. ROZAINI)
03 80264366 (PN. SUZANA)
Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

**MBSJ gemilang
Bersama**
Majlis Bandaraya Subang Jaya
sjcitycouncil
sjcitycouncil
majlisbandarayasubangjaya

Warna-warni KOMUNITI



MBSJ BANTU PELAJAR SUMBANG KOMPUTER RIBA



Senyuman terukir di wajah tiga orang pelajar apabila mereka di antara insan-insan terpilih dari komuniti B40 yang menerima sumbangan komputer riba hasil daripada penubuhan Tabung Amal MBSJ yang telah ditubuhkan sejak 21 Jun 2019 yang lalu.

Kesemua penerima telah diraikan dalam satu majlis yang telah diadakan pada 08 Februari 2021 yang lalu bertempat di Ibu Pejabat MBSJ. Majlis penyampaian komputer riba ini telah disempurnakan oleh YBhg. TPr. Puan Noraini Binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar MBSJ memaklumkan MBSJ komited untuk membantu komuniti B40 di kawasan pentadbiran MBSJ terutamanya dari aspek pendidikan.

"Selaras dengan hasrat tersebut, pihak MBSJ telah melancarkan Tabung Amal MBSJ pada 21 Jun 2019 bagi tujuan membantu komuniti B40 di kawasan pentadbiran MBSJ baik dari segi pendidikan, pembangunan dan jati diri serta menjadi platform untuk pihak NGO atau swasta atau individu yang ingin membuat sumbangan ke atas projek atau program komuniti MBSJ.



Datuk Bandar, MBSJ (3 dari kanan) menyempurnakan penyerahan sumbangan komputer riba kepada penerima.

Terdahulu sebanyak 11 komputer telah berjaya disumbangkan melalui Tabung Amal kepada pelajar cemerlang dari kalangan penduduk pangsapuri rumah kos rendah dan kampung tradisi", ujar beliau.

Sebagai makluman, pada tahun ini pihak MBSJ telah menerima sebanyak 8 permohonan untuk bantuan komputer riba tersebut dan pemilihan penerima adalah dibuat berdasarkan kepada syarat yang ditetapkan oleh pihak MBSJ.

Adalah diharapkan, dengan pemberian sumbangan tersebut, para penerima dapat memanfaatkan sumbangan yang diberikan dengan sebaiknya agar matlamat untuk memberdayakan golongan komuniti terutamanya golongan B40 melalui pendidikan dapat direalisasikan di masa hadapan.

MBSJ ANJUR WEBINAR JENAYAH SIBER : TAK KENAL MAKA TERKENA



Aktiviti Jenayah Siber kini semakin meningkat asaban tahun. Berdasarkan statistik kes Jenayah Siber di Malaysia, terdapat sebanyak 16,678 kes jenayah siber dilaporkan pada tahun 2019 dan ianya telah meningkat ke 19,813 kes pada tahun 2020.

Menyedari bahaya yang mendatang, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah berkolaborasi menganjurkan webinar Jenayah Siber: Tak Kenal Maka Terkena selaras dengan Pelan Tindakan Bandar Selamat, Bandar Hijau Mesra Wanita MBSJ dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya kepada kaum wanita.

Webinar ini telah diadakan pada 18 Februari 2021 jam 10.30 pagi menggunakan kaedah secara maya iaitu ZOOM Meeting dan Facebook Live. Ceramah yang penuh informasi ini telah disampaikan oleh DSP



Tuan Nur Asrul Bin Ariff, Pegawai Penyiasat Kanan Jenayah Telekomunikasi, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman.

Beliau turut berkongsi maklumat kepada penonton mengenai punca-punca, kategori/jenis, modus operandi jenayah siber serta faktor-faktor menyebabkan mangsa terpedaya dan ekangan di dalam penyiasatan kes serta statistik jenayah siber yang berlaku di Malaysia.

Untuk makluman, seramai 100 peserta ZOOM meeting telah menyertai webinar tersebut serta ianya turut ditonton oleh 1800 orang melalui saluran Facebook Live MBSJ.

MBSJ HARGAI JASA PETUGAS BARISAN HADAPAN



Tetap setia bertugas walau berdepan dengan bahaya jangkitan. Itu risiko yang terpaksa ditempuhi petugas barisan hadapan MBSJ semasa menjalankan tugas sepanjang tempoh pandemik ini.

Namun, kebimbangan ini berkurangan apabila MBSJ mengadakan program pemeriksaan kesihatan dan ujian saringan Covid-19 secara percuma kepada kakitangan pada 10 Februari 2021 yang lalu bertempat di Arena MBSJ. Program yang dianjurkan MBSJ ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak I - Medik, Yayasan Iklhas serta Pertubuhan Bangun Bersama.

Seramai 98 orang petugas barisan hadapan yang terdiri daripada anggota Penguatkuasa dan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) telah menjalani pemeriksaan kesihatan serta saringan Covid-19. Pemeriksaan ini dijalankan oleh petugas kesihatan menggunakan COMBAT FLEX iaitu inovasi ruang penghadang mudah alih yang ringan dan selamat tanpa interaksi terus.

"Kaedah ini digunakan bagi memastikan keselamatan pekerja penjagaan kesihatan (HCW) dan proses mengambil sampel (swabbing) tidak terganggu. Ianya hanya mengambil masa 10 minit dan petugas kesihatan tidak perlu menggunakan peralatan pelindung diri (PPE) bagi mendapatkan sampel pesakit dan ianya boleh digunakan secara

langsung di mana sahaja" kata Encik Azfarizal Bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ.



Proses mengambil sampel (swabbing) kepada petugas barisan hadapan MBSJ.

Ulas beliau lagi, program kali ini merupakan kali kedua ianya dilaksanakan dan kali pertama telah diadakan pada 12-15 Mei 2020 yang lalu. Datuk Bandar MBSJ juga turut berkesempatan meninjau pelaksanaan program pada hari tersebut.

Sebagai makluman, pemeriksaan kesihatan ini diadakan bagi menzahirkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang komited dalam menjalankan amanah serta berisiko tinggi dijangkiti wabak covid-19 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.



YBhg. Tpr. Noraini Binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ (tengah) meninjau penggunaan "COMBAT FLEX" untuk ujian saringan Covid-19 kepada barisan hadapan MBSJ.

PERKENAL BUDAYA SECARA ATAS TALIAN, MBSJ ERATKAN HUBUNGAN DENGAN KOMUNITI JEPUN



A lunan muzik tradisional Inang Cina yang bergema di Studio Muzik MBSJ menjadi acara pembuka kepada Program Pertukaran Budaya Dalam Talian Komuniti Pintar yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama Alamak Café Jepun pada 10 Februari 2021 bermula jam 7.50 malam dan selesai pada jam 8.50 malam.

Program selama sejam ini merupakan program bulanan MBSJ yang diadakan bertujuan untuk memperkasakan apresiasi komuniti terhadap budaya serta memperkukuhkan hubungan persahabatan ke arah melahirkan komuniti yang madani.

Dalam program tersebut, Komuniti Alamak Café Jepun turut dipersembahkan dengan tarian klasik kaum India iaitu Bharathanatyam oleh Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 11 MBSJ.

MBSJ turut mengambil peluang mempromosikan segmen destinasi pelancongan di kawasan MBSJ iaitu Rumah Seram di Taman Tenaga, Puchong yang menjadi lokasi penggambaran filem terkemuka serta mempromosikan "Street Food" terkenal iaitu Nasi Kuning di Taman Kinrara.

Sebagai menghargai perkongsian yang dilakukan, Komuniti Alamak Café Jepun telah mengajar warga MBSJ beberapa perkataan dari Bahasa Jepun dan dialek Kagoshima.

Persembahan SJ Soul menutup tirai program kali ini dengan persembahan lagu Nyanyian Serambi dan pihak Jepun mengucapkan terima kasih dan terharu di atas inisiatif yang dilakukan oleh MBSJ.





11 DITAHAN DALAM OPERASI BERSEPADU KEDAI JUDI HARAM



Seramai 11 individu – 4 warga asing yang mana dua daripadanya merupakan penjaga kedai judi manakala 7 lagi warga tempatan telah ditahan dalam satu serbuan sebuah premis dipercayai kedai judi di Jalan Kenari 3, Bandar Puchong Jaya pada 19/3/2021 jam 6.50 petang yang lalu. Kesemua suspek yang ditahan berumur antara 26 – 71 tahun.

Dalam operasi bersepadu yang dilakukan oleh Jabatan Penguatkuasa, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Jabatan Siasatan Jenayah (D7) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang (PDRM) itu mendapati kedai judi ini telah beroperasi tanpa kebenaran pihak MBSJ sejak seminggu yang lalu dan ianya dibuka bermula jam 10.00 pagi sehingga 8.00 malam di mana ianya dikunjungi oleh warga tempatan dan warga asing. "Lanjutan daripada kesalahan tersebut, pihak MBSJ dan PDRM telah membuat rampasan pelbagai jenis barangan di antaranya seperti sebuah komputer riba utama, 18 komputer riba berunsur perjudian dan wang tunai sebanyak RM 465.00," ujar Asisten Komisioner Razali Abu Samah, Ketua Polis Daerah Serdang.

Tambah beliau lagi, premis ini telah dikenakan waran geledah oleh PDRM (Balai Polis Puchong) pada akhir tahun 2019.



"Kes disiasat di bawah Seksyen 4(1) (c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Peraturan 16 (1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Berjangkit) (Kawalan Pergerakan Bersyarat) manakala tindakan yang diambil MBSJ di bawah Seksyen 3, Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Siber Café (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007 kerana menjalankan perniagaan Pusat Siber tanpa lesen selain tindakan penutupan dan sitaan oleh MBSJ," katanya.



Selamat Menyambut Tahun Baru Cina 2021

Kepada Semua Masyarakat Cina

Ikhlas daripada :
TPr HJH. NORAINI BINTI ROSLAN, S.I.S, P.P.T
DATUK BANDAR,
serta
TIMBALAN DATUK BANDAR,
AHLI MAJLIS DAN SELURUH WARGA KERJA
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.